

Globalisasi: PM saran Asia bersatu

UM 2 1 OCT 2001

SHANGHAI 20 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara Asia mempunyai peluang lebih baik untuk menyertai proses globalisasi jika mereka boleh bersatu dan berte-kad untuk mewujudkan amalan yang produktif serta penyayang dan boleh dicontohi.

Menurut Perdana Menteri, pada masa yang sama, negara-negara Asia juga perlu berusaha gigih ke arah mewujudkan sistem kewangan Asia bagi menjamin mata wang Asia yang lebih kukuh.

Katanya, semua pihak mesti mengikis pemikiran tradisional iaitu 'memiskinkan jiran' sebaliknya mewujudkan masyarakat Asia yang bersedia 'memperkayakan jiran' masing-masing.

"Jika rakan-rakan kita tidak bersedia untuk membantu, mereka tidak seharusnya menjadi penghalang. Jika mereka tidak boleh menjadi sebahagian daripada penyelesaian masalah, mereka perlu 'ke tepi' dan tidak menimbulkan masalah," tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan yang bertemakan *Globalisasi Untuk Kemajuan Bersama* pada persidangan ketua-ketua eksekutif sempena berlangsungnya mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini hari ini.

Perdana Menteri yang tiba di sini tengah malam tadi merupakan salah seorang daripada lapan ketua negara anggota APEC yang diberi penghormatan menyampaikan ucapan pada majlis itu.